

PENGARUH EMOSI TERHADAP PERUBAHAN PERSONALITI ARTIS DI MALAYSIA
THE INFLUENCE OF EMOTION ON THE PERSONALITY CHANGES AMONG ARTISTS IN MALAYSIAAhmad Fakhruddin Bin Mohd Tahir^{1*}, Zulkefli Bin Aini², Rosmawati Binti Mohamad Rasit³¹ Calon Ijazah Doktor Falsafah, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, nur_addin8687@yahoo.com.² Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, zulaini@ukm.edu.my.³ Prof. Madya, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, rosmawati@ukm.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 22 Mac 2022

| Selepas Pembetulan: 16 April 2022

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2022

Abstrak

Emosi merupakan satu aspek penting dalam pembentukan personaliti manusia. Pengawalan emosi yang baik akan mempengaruhi pembentukan personaliti yang baik. Sebaliknya kegagalan dalam mengawal emosi akan mempengaruhi pembentukan personaliti yang tidak baik. Justeru itu, objektif kajian ini ialah mengkaji pengaruh emosi terhadap perubahan personaliti dalam kalangan artis di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Data diperolehi melalui kaedah temubual mendalam dengan menggunakan pendekatan temubual separa struktur bersama 9 orang peserta kajian yang terdiri daripada artis yang beragama Islam, sama ada lelaki ataupun perempuan, berumur 40 tahun ke atas sama ada pelakon ataupun penyanyi. Selain itu, peserta kajian juga terdiri daripada artis yang telah berubah daripada tidak baik kepada baik dari sudut penampilan diri, pemikiran dan penglibatan bersama gerakan-gerakan dakwah sekurang-kurangnya 5 tahun dan ke atas serta berubah secara konsisten. Data dianalisis secara tematik. Hasil kajian mendapati emosi mempengaruhi perubahan personaliti artis daripada segi sikap, pemikiran, penampilan dan tingkah laku. Emosi sedih adalah faktor dominan yang mempengaruhi perubahan personaliti dalam kalangan artis diikuti dengan emosi takut, emosi penyesalan dan emosi kecewa.

Kata kunci

Pengaruh, Emosi, Perubahan Personaliti, Artis

Abstract

Emotions are a paramount aspect of the formation of human personality. Appropriate emotional control will foster the formation of a good personality. Conversely, inappropriate emotional control will harm personality formation. Hence, this study intended to examine the influence of emotions on personality changes among artists in Malaysia. This study was a qualitative study that employed a case study design. Data were obtained through in-depth interviews using a semi-structured interview approach with nine study participants consisting of Muslim artists, either male or female, aged 40 years and above, either actors or singers. Furthermore, the study participants also consisted of artists who have transformed their lifestyle, practising the Islamic way of life in terms of self-appearance, thinking and joint engagement with the dakwah movements for at least five years and above and changed consistently. Next, the data were analysed thematically. The conclusions confirmed that emotions influence changes in the artist's personality in terms of

attitude, thinking, appearance and behaviour. Sad emotions are the predominant factor influencing personality changes among artists, followed by emotions of fear, regret and frustration.

Keywords

Influence, Emotions, Personality Changes, Artists

1. Pendahuluan

Faktor emosi merupakan satu perkara yang amat penting apabila mengkaji tentang perubahan personaliti. Malah pengawalan emosi yang baik akan mempengaruhi pembentukan personaliti yang baik. Manakala emosi yang tidak baik akan melahirkan personaliti yang tidak baik (Davidoff 1980; Darley 1986; Al-Ghazali 1988; Rohaty 1993). Hal yang sama juga dijelaskan oleh Uthman (1985), pengawalan emosi yang baik akan memberi kekuatan dalaman kepada manusia untuk diterjemahkan secara luaran dengan tingkah laku dan penampilan personaliti yang baik. Manakala kegagalan dalam mengawal emosi akan menjerumuskan manusia kepada kebinasaan. Antara emosi yang baik ialah baik hati, kasih sayang, pemurah, pemalu, penyabar, pemaaf, merasa puas dengan apa yang ada (*Qana'ah*), warak, cergas fikiran, baik sangka, kemurahan, keberanian, tolong-menolong, peramah dan kurang mengharapkan orang lain, takut, cinta, benci, gembira, penyesalan, iri hati, rendah diri, bangga dan sombong, sedih, pilu, peranjat, benci, seronok, rasa bersalah, marah, ngeri, sengsara, cemburu, jijik, motivasi diri, keperluan penghargaan dan cara berkomunikasi dengan orang lain (Al-Ghazali 1988; Uthman 1985; Marx 1976; Young 1966; Sharifah Norshah 2009)

Walaupun terdapat kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang perubahan personaliti berdasarkan pengaruh faktor emosi, kajian-kajian tersebut didapati hanya melibatkan golongan pelajar sekolah, mahasiswa, pelajar juvana, banduan dan guru-guru (Jusiah Idang, *et. al* 2020; Nurul Hudani, *et. al* 2015; Mohd Zuri, *et. al* 2010; Fariza 2005;). Manakala kajian perubahan personaliti berdasarkan pengaruh faktor emosi dalam kalangan artis masih baru. Pemilihan artis sebagai sampel kajian kerana mereka merupakan figura dan ikon yang boleh menarik minat anggota masyarakat khususnya golongan remaja. Penampilan personaliti mereka menjadi perhatian malah mudah dijadikan inspirasi kepada masyarakat (Azhar 2006; Muhamad Razak 2005; Zakaria, *et. al* 2012). Perubahan personaliti bukanlah suatu yang mustahil berlaku (Swanson 1971; al-Attas 1977; Ilyas Ba Yunus 1989). Berdasarkan sejarah Islam, Saidina Umar R.A merupakan salah seorang sahabat Rasulullah S.A.W yang mengamalkan gaya hidup jahiliyyah tetapi boleh berubah dalam masa yang singkat (Ibn Hisyam 1999; Zulkifli dan Noor Naemah 2011). Malahan dalam konteks pada masa kini, perubahan personaliti juga telah berlaku ke atas sebahagian daripada figura-figura masyarakat seperti ahli seniman atau dikenali sebagai artis.

Artis merujuk kepada golongan manusia yang mempunyai bakat dalam menghasilkan kesenian. melalui olahan suara, nyanyian lagu, muzik dan tarian, lakonan, lukisan, dan seumpamanya. Manakala dunia artis dikenali sebagai dunia popular, imej yang bergaya, berpersonaliti hebat, diva, hiburan dan melalaikan (Rahmah Bujang 2001; Suriati, *et. al* 2013). Namun begitu, ada sebahagian artis yang ingin mengubah diri mereka ke arah kebaikan dan bertaubat meninggalkan dunia popular dan hiburan yang lalai. Dalam kalangan artis yang berubah ke arah kebaikan, ada yang berubah secara konsisten.

Pada masa yang sama, ada juga dalam kalangan artis yang telah berubah ke arah kebaikan tetapi berpatah semula ke dunia popular. Malah ada juga yang telah tewas dengan cabaran-cabaran seterusnya berputus asa untuk meneruskan proses perubahan. Tidak mempunyai kekuatan dan sukar untuk konsisten.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes (*case study*) dan menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan data. Pemilihan kajian kualitatif adalah berpandukan kepada pandangan Strauss dan Corbin (1998) yang menyatakan kajian secara kualitatif akan membolehkan pengkaji memperolehi pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu kes dan fenomena yang belum lagi diketahui. Ia juga boleh digunakan untuk mendapatkan perspektif ke atas perkara-perkara yang telah banyak diketahui serta mendapatkan maklumat yang lebih mendalam yang tidak dapat dinyatakan secara kuantitatif. Oleh itu, pengkaji telah memilih kajian secara kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang pengaruh emosi terhadap perubahan personaliti dalam kalangan artis.

Pemilihan kajian kes (*case study*) sebagai reka bentuk kajian kerana pengkaji perlu memahami dengan lebih mendalam tentang bagaimanakah emosi mempengaruhi perubahan personaliti dalam kalangan artis. Menurut Othman Lebar (2007), pemilihan reka bentuk kajian kes sangat penting untuk meneroka dan memahami dengan lebih mendalam tentang sesuatu kes dan bukannya untuk menguji sesuatu hipotesis. Matlamat pengkaji kajian kes adalah untuk meneroka interaksi faktor-faktor yang signifikan tentang ciri-ciri fenomena atau entiti.

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual sebagai instrumen utama pengumpulan data kualitatif. Pengkaji melakukan temu bual separa struktur dan dilakukan secara bersemuka dengan peserta kajian. Item temu bual dibina berdasarkan kajian literatur yang berkaitan dengan tajuk dan objektif kajian. Data terkumpul seterusnya dianalisis secara tematik untuk mencapai objektif kajian. Peserta kajian ini adalah seramai 9 orang yang dipilih berdasarkan kriteria tertentu, iaitu beragama Islam, berumur 40 tahun ke atas, terlibat dalam industri nyanyian atau lakonan, melalui perubahan personaliti yang konsisten atau tekal melebihi 5 tahun keatas dan bergiat aktif dalam kegiatan dakwah. Jadual 1 berikut menunjukkan latarbelakang peserta kajian.

Jadual 1: Latarbelakang Peserta Kajian

PK	Jantina	Kriteria
PK1	Lelaki	Islam, Umur 47 tahun, terlibat dalam industri nyanyian dan lakonan, perubahan lebih 9 tahun dan masih konsisten, aktif dengan dakwah Islam.
PK2	Lelaki	Islam, Umur 56 tahun, terlibat dalam industri nyanyian, perubahan lebih 20 tahun dan masih konsisten, aktif dengan dakwah Islam.
PK3	Lelaki	Islam, Umur 69 tahun, terlibat dalam industri nyanyian, perubahan lebih 30 tahun dan masih konsisten, aktif dengan dakwah Islam.
PK4	Lelaki	Islam, Umur 58 tahun, terlibat dalam industri nyanyian dan lakonan, perubahan lebih 12 tahun dan masih konsisten, aktif dengan dakwah Islam.

PK5	Lelaki	Islam, Umur 54 tahun, terlibat dalam industri nyanyian dan lakonan, perubahan lebih 10 tahun dan masih konsisten, aktif dengan dakwah Islam.
PK6	Lelaki	Islam, Umur 61 tahun, terlibat dalam industri nyanyian, perubahan lebih 12 tahun dan masih konsisten, aktif dengan dakwah Islam.
PK7	Perempuan	Islam, Umur 40 tahun, terlibat dalam industri nyanyian, perubahan lebih 10 tahun dan masih konsisten, aktif dengan kegiatan dakwah Islam.
PK8	Lelaki	Islam, Umur 56 tahun, terlibat dalam industri nyanyian, perubahan lebih 20 tahun dan masih konsisten, aktif dengan dakwah Islam.
PK9	Perempuan	Islam, Umur 47 tahun, terlibat dalam industri lakonan, perubahan lebih 10 tahun dan masih konsisten, aktif dengan dakwah Islam.

3. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Kajian mendapati terdapat empat emosi yang telah mempengaruhi perubahan personaliti dalam kalangan artis, iaitu takut, sedih, penyesalan dan kecewa.

3.1 Takut

Melalui sesi temu bual yang dijalankan, seramai 3 orang PK menyatakan emosi takut telah mempengaruhi mereka untuk berubah. Emosi takut wujud rentetan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam pengalaman hidup mereka seperti ditimpa masalah kesihatan, kerisauan terhadap saat kematian dan nasib di hari kiamat kelak.

Bagi PK 2, emosi takut telah menyebabkan beliau mula berazam untuk berubah, tidak mengulangi kesalahan-kesalahan lampau dan mula mendekati diri kepada Allah S.W.T. Emosi takut berlaku selepas beliau ditimpa sakit stroke. Beliau menganggap kesakitan yang dialaminya itu adalah satu amaran daripada Allah S.W.T. Beliau takut dengan kesakitan itu, beliau akan mati tanpa sempat bertaubat dan melakukan amal ibadah. Beliau juga menganggap amat rugi sekali apabila diberi amaran oleh Allah S.W.T tetapi tidak mengendakkannya, malah terus mengundang kemurkaan Allah S.W.T. Pandangan tersebut dinyatakan oleh PK 2 dalam proses temu bual yang dijalankan:

“Ketika saya kena stroke tu, memang saya takut.” (PK2/231119/TB4 731:732)

“Itu sebenarnya satu *warning* daripada Allah S.W.T kepada saya. Ketika masih sihat semua perkara kita main buat je kan. Nak marah isteri ke, nak keluar lewat malam, nak balik lewat-lewat, masa tu boleh lagi. Tapi bila kena stroke ni, kita jadi fikir panjang sebelum melakukan sesuatu perkara. Tak mahu dah melakukan perkara-perkara yang membuang masa dan sia-sia.” (PK2/231119/TB4 721:729)

Menurut PK 4, emosi takut telah mempengaruhinya berubah menjadi lebih baik. PK 4 mula berasa takut disebabkan oleh ketakutan kepada balasan dan azab Allah S.W.T serta kerisauan menghadapi kematian. Takut mati dalam keadaan tidak baik, tidak sempat bertaubat dan tidak cukup amalan telah membuatkan beliau mengambil keputusan untuk berubah menjadi lebih baik. Beliau mula mendekati Allah S.W.T dengan mentaati suruhan dan larangan Allah S.W.T, mula melazimi kelas-kelas pengajian ilmu,

melakukan amal ibadah dan perkara-perkara baik yang lain. Beliau mula mengutamakan persiapan dan bekalan amalan untuk dibawa selepas kematian. Selain itu, emosi takut juga berlaku apabila beliau jatuh sakit. Dengan beranggapan kesakitan boleh membawa kepada kematian, beliau bertambah takut kerana memikirkan keadaan diri yang masih kekurangan bekalan untuk mati. Justeru, beliau merasakan bahawa kesakitan yang dialami adalah satu peringatan daripada Allah S.W.T untuk beliau berubah.

“Saya berasa dan berfikir, kalaulah aku mati macamana lah agaknya. Apa aku nak jawab ni. Masuk kubur nanti. Selama ni aku tak buat apa pun. Saya percaya tentang kita semua akan disoal dalam kubur, tapi tak pernah teringat pun. Sampailah ketika hari kematian kawan saya tu, baru saya teringatlah. Kalaulah aku yang mati tu, macamana lah aku ni. Macamana aku dalam kubur nanti, nak jawab macamana. Seterusnya dipadang Mahsyar pulak nanti, macamana lah. Macamana lah aku dengan Rasulullah S.A.W nanti. Jadi semua tu menjadikan saya berfikir dan ketakutan lah. Semuanya takut kepada balasan Allah S.W.T. Itulah pokok pangkalnya. Takut kepada balasan Allah tu *ultimet* lah. Tak boleh buat apa dahlah. Jadi semua tu menjadikan saya berfikir dan ketakutan lah. Semuanya takut kepada balasan Allah S.W.T. Itulah pokok pangkalnya. Takut kepada balasan Allah tu *ultimet* lah. Tak boleh buat apa dahlah” (PK4/011219/TB5 1744:1758)

“Dan kesakitan tu semua boleh membawa kepada kematian. Jadi lagilah membuatkan saya jadi takut. Jadi keadaan-keadaan itu menjadi satu peringatan daripada Allah S.W.T kepada saya.” (PK4/011219/TB5 1788:1790)

Bagi PK 6, emosi takut menyebabkan beliau mula berfikir dan bermuhasabah diri. Ketika bekerja sebagai penghibur, beliau tidak merasai ketenangan dalam hidup. Beliau takut jika akhir hayatnya dimatikan dalam keadaan sedemikian. Justeru, beliau mengambil keputusan untuk berubah menjadi lebih baik dan merasai ketenangan hidup dengan bertaubat, melakukan amal ibadah dan kembali mendekati diri kepada Allah S.W.T.

“Kemudiannya saya terasa takut bila ingatkan kematian. Saya terfikir kenapa aku jadi macam ni. Nak cari ketenangan tapi tak ada. Sampai bila saya nak macam ni. Adakah saya harus terus menerus macam ni. Ia menyebabkan saya rasa menyesal dan mula untuk melakukan amalan ibadah.” (PK6/131119/TB2 2793:2797)

“Itulah yang tiba-tiba saya terfikir, kalaulah aku mati ketika ni, macamanalah nasib aku ni. Saya jadi takut.” (PK6/131119/TB2 2873:2874)

3.2 Sedih

Sedih merupakan salah satu elemen yang berkait rapat dengan emosi. Ia berpunca daripada pelbagai faktor seperti kematian orang tersayang, kehilangan sesuatu yang berharga, ditimpa sesuatu ujian atau musibah, kegagalan dalam mencapai sesuatu cita-cita, merasa diri tidak dihargai dan maruah diri dipersendakan (Dinda 2021). Melalui temu bual yang dijalankan, seramai 6 orang PK menyatakan emosi sedih telah mempengaruhi mereka berubah menjadi lebih baik.

Menurut PK 1, kematian bapa telah menyebabkannya sedih dan merasa kekosongan dalam hidup. Kesedihan lebih mendalam kerana semasa bapanya masih hidup, hubungan dengan bapanya tidak berapa baik. Akhirnya telah menyebabkan beliau berfikir dan mengambil keputusan untuk berubah. Bagi PK 3 pula, kematian ibu merupakan satu peristiwa yang memberi kesedihan mendalam kepadanya. Seterusnya mula berfikir untuk mengisi kesedihan tersebut dengan mengambil keputusan untuk berubah menjadi lebih baik. Selepas daripada kematian ibu, beliau pergi menunaikan haji dan mengambil keputusan yang nekad untuk berubah. Hal tersebut dinyatakan oleh PK 1 dan PK 3 didalam proses temu bual sebagaimana berikut.

“Pastu bila ayah saya dah meninggal, masa tu baru saya rasa. *MasyaAllah*. Baru saya sedar, bila saya bangun pagi saya mula sedar yang aku ni dah tak ada ayah. Aku ni tak ada ayah ni, orang lain ada ayah dan aku ni dah tak ada ayah. Jadi masa itulah baru saya sedar, rasa sedih. Kenapa lah aku dengan ayah dulu camtu. Yela, ayah kita memang garang la dulu. Tapi maknanya kita ni sendiri sebagai anak dengan ego kita kan, aku pun boleh hidup lah kat KL, aku boleh buat apa yang aku nak, aku pilih cara aku apa semua, aku boleh hidup apa.” (PK1/071219/TB6 187:195)

“Tapi bila ayah tak ada, barulah saya rasa impaknya dan saya tekad untuk berhijrah selepas tu.” (PK1/071219/TB6 213-214)

“Mak saya meninggal sebelum saya pergi haji kali kedua. Mak meninggal bulan Februari dan saya pergi haji pada bulan Mei pada tahun yang sama. Jadi kat situ pun ada jugaklah aspek emosi sedih jugak. Dalam keadaan mak baru je meninggal, kemudian saya pergi pula buat haji kali kedua. ” (PK3/201219/TB7 1301:1305)

PK 2 merasa sedih setelah diuji dengan masalah kesihatan. Beliau diuji dengan sakit stroke yang menyebabkan tidak boleh bergerak dan melakukan aktiviti harian seperti biasa. Kesedihan yang dialami menyebabkannya mula berfikir dan bermuhasabah diri seterusnya mengambil keputusan yang nekad untuk berubah. Mula mendekati diri kepada agama, meningkatkan amal ibadah dan meninggalkan perkara-perkara yang tidak baik. Kenyataan PK 2 didalam temu bual sebagaimana berikut:

“Ketika saya kena stroke tu, memang saya berasa sedih” (PK2/231119/TB4 731:732)

Apabila melihat anak-anak yang semakin membesar, PK 5 merasa sedih memikirkan masa depan anak-anaknya kelak. Apatah lagi jika anak-anak mengikuti jejak langkahnya sebagai seorang artis. Menjadi seorang artis bukanlah satu kesalahan. Tetapi kehidupan sebagai seorang artis sememangnya amat mencabar. Kelemahan diri akan menjadikan seseorang artis mudah hanyut dan alpa dengan dunia hiburan. Justeru demi masa depan anak-anak yang lebih baik, beliau tekad untuk mengubah diri sendiri menjadi lebih baik terlebih dahulu. Bagi PK 6 pula, keretakan rumah tangga yang berlaku akhirnya membawa kepada perceraian. Beliau ditinggalkan keseorangan oleh pasangan dan anak-anak. Perasaan sedih amat mendalam apabila anak-anak mula menjauhinya. Malah, keinginannya untuk bertemu dengan anak-anak telah dibalas dengan perlihan dan ejekan. Kejadian tersebut memberi tamparan hebat kepada beliau yang akhirnya tekad mencari erti hidup yang sebenar. Mula bermuhasabah diri dan mencari ketenangan

melalui amal ibadah. Pandangan PK 5 dan PK 6 sepertimana didalam proses temu bual yang dijalankan:

“Bila tengok anak-anak tu saya berasa sedih. Sebab bila tengok anak-anak saya terfikir macamana diorang. Adakah diorang nak jadi *rockers* ke. Adakah dia nak jadi orang selebriti ke, nak jadi orang terkenal ke. Itu tak jadi masalah. Yang jadi masalahnya bila jadi orang terkenal, macamana diorang tu nanti. Tapi *alhamdulillah* dengan risau dan fikir, Allah S.W.T permudahkan.” (PK5/221119/TB3 2431:2436)

“Satu hari tu saya pergi nak jumpa anak-anak saya, tapi mereka tak nak jumpa saya. Mereka pun ejek-ejek saya permainkan saya apa semua. Ketika tu saya rasa sedih dan hati saya sakit.” (PK6/131119/TB2 2700:2702)

“Saya berasa sedih dan sakit hati bila anak-anak lari daripada saya, tak nak jumpa saya malah mereka mengejek-ejek saya bila saya mahu jumpa diorang. Dari situ, saya mula fikir apa yang saya nak sebenarnya dalam kehidupan ni .” (PK6/131119/TB2 2789:2792)

Bagi PK 8, beliau dahulunya pernah merasai saat kegemilangannya sebagai artis dan merasai kesenangan dalam hidup. Namun selepas itu, beliau diuji pula dengan kemerosotan prestasi dalam kariernya sebagai artis sekali gus telah menjejaskan sumber ekonominya. Beliau merasa sedih dengan apa yang berlaku lebih-lebih lagi apabila orang sekeliling melihatnya dalam keadaan susah. Namun kesedihan tersebut telah menyedarkannya untuk melakukan perubahan diri sebagaimana kenyataannya didalam temu bual yang dijalankan:

“Sedihlah. Memang kita sedih sebab itu merangkumi semua. Bila dalam poket tidak ada duit. Masa itu, sumber pendapatan memang tidak ada. *Saving* tu memang tidak ada. Walhal banyak duit. Kalau zaman dulu 80an, tiga ratus tu dah banyak dah tu.” (PK8/131119/TB1 3869:3872)

“Saya sedihlah menitis air mata sebab sebelum ni orang tengok kita hidup senang.” (PK8/131119/TB1 3923)

3.3 Penyesalan

Sepertimana PK 1, PK 2 dan PK 6, emosi penyesalan berlaku apabila kehilangan orang tersayang atau benda yang disayangi, ditimpa ujian masalah kesihatan dan masalah keluarga. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, PK mula berfikir untuk mengubah diri rentetan penyesalan yang mereka alami. Mula mendekati diri dengan agama, majlis ilmu dan mengutamakan soal amal ibadah.

Bagi PK 1, kematian ayah telah membuatkan beliau merasa menyesal. Hubungan beliau dengan ayahnya tidak begitu rapat. Lantaran itu, beliau merasa diri kekosongan dan sunyi daripada kasih sayang seorang ayah. Pemergian ayahnya merupakan suatu kehilangan yang besar bagi dirinya. Selepas itu, beliau mula berfikir untuk menebus balik kesilapan yang telah dilakukan dan menghargai diri sendiri dan insan-insan yang masih ada bersamanya. Walaupun ketika itu popularitinya berada pada tahap yang baik dan masih banyak mendapat tawaran-tawaran kerja, beliau telah tekad untuk berubah diri menjadi lebih baik, meninggalkan dunia artis yang melalaikan, kembali mendekati diri

dengan agama dan meningkatkan amal ibadah kepada Allah S.W.T. Temu bual dengan PK 1 adalah sepertimana berikut:

“Pastu menyesal tu saya rasa menyesal sebab dulu saya tak berapa rapat dengan ayah saya. Memang tak rapat pun dengan ayah saya ni. Boleh kata dengan bahasa kasar tu saya dengan ayah saya dulu macam musuh jugak lah. Susah la nak dapat saya dengan ayah saya nak makan satu meja.” (PK1/071219/TB6 170:174)

“Pastu bila ayah saya dah meninggal, masa tu baru saya rasa. *MasyaAllah*. Baru saya sedar, bila saya bangun pagi saya mula sedar yang aku ni dah tak ada ayah. Aku ni tak ada ayah ni, orang lain ada ayah dan aku ni dah tak ada ayah. Jadi masa itulah baru saya sedar, rasa menyesal, rugi, rasa bersalah.” (PK1/071219/TB6 187:191)

“Dahlah kehidupan aku dengan ayah aku, aku tak hargai masa berkualiti aku dengan dia, sekarang ni kalau cerita dia aku dengan Allah pulak, kalau aku tak hargai masa hidup aku yang Allah kasi ni, memang habis lah aku, memang naya la aku ni. Takkan aku nak hidup macam tu je.” (PK1/071219/TB6 199-203)

PK 2 mula menyesal dengan diri sendiri apabila ditimpa sakit stroke. Merasa diri sangat rugi apabila mensia-siakan masa sihatnya. Lebih-lebih lagi apabila menggunakan masa sihatnya dengan melakukan perkara-perkara yang dimurkai oleh Allah S.W.T. Setelah ditimpa sakit stroke, beliau merasakan ia adalah satu amaran peringatan daripada Allah S.W.T. Justeru, beliau tekad untuk berubah menjadi lebih baik, bertaubat di atas kesilapan lalu dan mendekati diri kepada Allah S.W.T. Beliau bersyukur kepada Allah S.W.T apabila diberi kesembuhan daripada sakit stroke tersebut dan menganggap ia adalah peluang kedua yang Allah S.W.T berikan kepada dirinya. Didalam temu bual yang dijalankan, beliau tekad untuk menghargai masa sihat dengan melakukan perkara-perkara kebaikan dan tidak mengulangi perkara-perkara buruk yang pernah dilakukannya dahulu.

“Bila dah kena stroke ni mendatangkan rasa keinsafan lah. Ketika tu saya rasa macam nak mati lah. Itu sebenarnya satu *warning* daripada Allah S.W.T kepada saya. Ketika masih sihat semua perkara kita main buat je kan. Nak marah isteri ke, nak keluar lewat malam, nak balik lewat-lewat, masa tu boleh lagi.” (PK2/231119/TB4 721:726)

“Ketika saya kena stroke tu, memang saya berasa menyesal.” (PK2/231119/TB4 731:732)

Berada pada zaman kemuncak kerjaya, PK 6 terlalu sibuk sehingga masa dan tanggungjawab bersama keluarga terabai. Beliau akhirnya diuji dengan masalah keluarga. Tidak mempunyai persefahaman dengan isteri sehingga menyebabkan berlakunya perceraian. Beliau telah kehilangan anak-anak kerana mengikuti ibunya. Selepas itu, beliau mula merasai kesunyian, menyesal dan mula bermuhasabah diri. Akhirnya, beliau tekad untuk berubah. Meninggalkan kesibukan kerjaya sebagai artis, meninggalkan dunia populariti yang melalaikan, mendekati diri dengan agama serta

mula untuk menjaga kepentingan amal ibadah dalam hidup seharian. Perkara tersebut dinyatakan oleh PK 6 didalam sesi temu bual yang dijalankan:

“Adakah saya harus terus menerus macam ni. Ia menyebabkan saya rasa menyesal dan mula untuk melakukan amalan ibadah.” (PK6/131119/TB2 2796:2797)

3.4 Kecewa

Emosi kecewa berpunca daripada kegagalan seseorang untuk mendapatkan sesuatu. Ia juga boleh berlaku apabila sesuatu perancangan tidak menjadi malah gagal untuk mencapai apa yang dikehendaki (Ab. Aziz 1999). Perkara itu berlaku kepada PK 3 dan PK 7. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, emosi kecewa berlaku rentetan daripada perancangan kerjaya yang tidak menjadi, kemerosotan ekonomi dan kegagalan dalam hubungan cinta.

Kegagalan dalam memasarkan album nyanyian telah memberi tamparan hebat kepada PK 3. Sehingga menyebabkan emosi beliau terganggu dan merasa kecewa dengan diri sendiri. Daripada situ beliau mula mencari jalan untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Beliau mendapati jalan penyelesaian terhadap segala masalah ialah agama. Untuk berjaya dalam hidup juga adalah melalui agama. Iaitu dengan mentaati perintah Allah S.W.T dan menuruti sunnah Rasulullah S.A.W. Justeru, beliau mula tekad untuk berubah menjadi lebih baik, mendekatkan diri kepada agama, mentaati perintah Allah S.W.T dan menghidupkan sunnah Rasulullah S.A.W.

“Oo memanglah. Semasa hidayah datang tu, masa tu saya sedang buat album tu, tapi tak dipasar dan dijual lagi. Jadi datanglah ujian kesabaran tu. Orang duk tanya ni, bila album kau nak keluar ni. Datanglah satu tekanan yang sangat kuat kepada saya ketika tu. Sehingga ia mengganggu emosi saya. Saya rasa *frust*, kecewa dan tertekan. Kita dah buat album tapi tak keluar-keluar lagi. Daripada tekanan itu membuatkan kita mencari sesuatu dan siapa yang boleh selesaikan masalah ni. Disitulah, Allah S.W.T dengan kerahimannya jentik pintu hati saya dan bagi hidayah kepada saya. Ketika mana saya sedang tercari-cari jalan penyelesaian terhadap masalah saya ni. Disitu saya mula sedar bahawa hanya agama lah yang dapat selesaikan saya punya masalah ni. Itu yang apabila saya mendengar ayat kejayaan hanya dalam agama, sejauhmana taat perintah Allah dan ikut sunnah nabi.” (PK3/201219/TB71263:1276)

Bagi PK 7, kekecewaan diri berpunca daripada kegagalan dalam hubungan percintaan. Setelah hampir berputus asa, beliau akhirnya bangkit membina kekuatan. Mula mencari kekuatan dengan mengikuti kelas pengajian al-Quran, ilmu-ilmu agama dan mengikuti program usrah bersama rakan artis yang lain. Beliau tekad untuk mengubah diri menjadi lebih baik dan meletakkan Allah S.W.T sebagai keutamaan dalam hidup.

“*And then* bila berganti umur, umur dah dua puluh satu masa tu. Dah mula lah terdedah dengan dunia percintaan remaja apa benda semua. *And then*, putus cinta masa tu saya rasa macam. Masa tu rasa kecewa yang kita tahu tau, benda tu. Eh benda ni pelik lah, kecewa yang macam apa benda yang beria-ria sangat ni? Kalau dilayan maknanya boleh jadi teruk.” (PK7/080120/TB8 3228:3233)

“pergi kelas hadis, pergi kelas quran, kelas taranum apa benda semua tu macam. Mula rasa *best*. Hati tu dah takde rasa macam sedih kalau takde *boyfriend* lantak lah. Satu-satu benda yang serabut tu keluar. Keluar keluar.”
(PK7/080120/TB8 3260:3263)

4. Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor emosi yang mempengaruhi perubahan personaliti peserta kajian terbahagi kepada empat jenis emosi iaitu takut, sedih, penyesalan dan kecewa. Emosi sedih adalah emosi yang paling kerap dinyatakan oleh peserta kajian berbanding dengan emosi lain. Namun begitu kesemua emosi tersebut adalah saling berkait antara satu sama lain. Kesemua emosi tersebut sangat penting dalam pembentukan personaliti seseorang. Jika ia dikawal dengan baik, semestinya akan mempengaruhi pembentukan personaliti yang baik. Malah menjadi sumber kekuatan untuk memastikan perubahan yang lebih konsisten dan berkekalan. Namun, sekiranya kesemua emosi tersebut tidak dikawal dengan baik, ia pasti akan memberi kesan yang tidak baik kepada pembentukan personaliti seseorang. Malah akan menjadikan seseorang itu mudah berputus asa dan tidak mempunyai keyakinan diri.

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd. Zin. (1999). Psikologi Dakwah. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1977). Islam Faham Agama Dan Asas Akhlak. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Azhar Ahmad. (2006). Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. Tesis PhD Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Darley, John M. (1986). Psychology. New Jersey: PHI.
- Davidoff, Linda L. (1980). Introduction to Psychology. New York: MGHBC.
- Dinda Aulia Putri. (2021). Pengendalian Emosi Sedih Menurut Al-Qur'an (Kajian Tafsir Surah Yûsuf Ayat 86 Dengan Pendekatan Psikologi). Tesis Sarjana Institut Ilmu Al-Qur'an (IIQ) Jakarta.
- Fariza Md. Sham. (2005). Tekanan Emosi Remaja Islam. *Islamiyyat* Vol 27. Isu 1, hlm. 3-24.
- al-Ghazali, Abu Hamid bin Muhammad. (1988). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil 1-4. Terj. Prof. TK. H. Ismail Yakub MA-SH. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ibn Hisyam, Abdul Malik bin Hisyam. (1999). *al-Sirah al-Nabawiyah*. Riyadh: Dar al Mughni.
- Ilyas Ba-Yunus. (1989). Sosiologi dan Realiti Sosial Umat Islam. dlm. I.R. Al-Faruqi & A.O. Naseef. *Sains Sosial Dan Sains Tuten*. terj. Mohamad Rafie Abdul Malek. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jusiah Idang, Melissa Edora, Sabariah Sharif, Murnizam Halik & Puteri Hayati. (2020). Pengaruh Personaliti Terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar Luar Bandar di Sabah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* Vol 18. Isu 1, hlm. 37-45.
- Marx, Melvin H. (1976). *Introduction to Psychology*. New York: MPCI.
- Mohd Zuri Ghani, Nik Rusila, Aznan Che Ahmad, Rahimi Che Aman & Zainuddin Mat Isa. (2010). Perbezaan Personaliti Kestabilan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas Akademik (Pca) Berdasarkan Jantina Dan Jenis Sekolah. *Asia Pacific Journal of Educator and Education* Vol 25. hlm. 153–167.
- Muhamad Razak Idris. (2005). Pertubuhan dakwah dan fenomena Siti Nurhaliza. *Al-Islam* Vol 378. hlm. 36-38.
- Nurul Hudani, Ma'rof Redzuan, Puteri Hayati & Noor Hisham. (2015). Pengujian Model Hubungan Antara Kecerdasan Emosi, Trait Personaliti dan Tingkah Laku Kepimpinan Terhadap Prestasi Kerja. *Akademika* Vol 85. Isu 2, hlm. 3-16.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahmah Bujang. (2001). *Seni dan Kehidupan Ummah: Idealisme dan Realiti Umat Islam di Malaysia*. Dlm. Abdul Karim Ali et al. (pnyt.). *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Rohaty Mohd. Majzud. (1993). *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin. (2009). *Impak Uslub Tabsyir Dan Indhar Dalam Membentuk Personaliti : Kajian Di Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka Dan Batu Gajah, Perak*. Tesis PhD Universiti Malaya.
- Strauss, A. & Corbin, J. (1998). *Basics of Qualitative Research, Grounded Theory Procedures and Techniques*. Newbury Park: Sage.
- Suriati Ghazali, Azilah Mohamad Nor & Jabil Mapjabil (2013). Suatu Analisis Mengenai Peranan Media dalam Penyebaran Gaya Hidup Transeksual di Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* Vol 5. Isu 1.
- Swanson, Guy F. 1971. *Social Change Introduction to Modern Society Series*. USA: Scott, Foresman and Company.
- Uthman Najati. (1985). *Al-Quran dan Ilmu Jiwa*. Terj. Ahmad Rofi' Usmani. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Young, Paul Thomas. (1966). *Motivation and Emotion*. New York: JW&SI.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari* Vol Special Edition. hlm. 155-172.

Zulkifli Mohd Yusoff dan Noor Naemah Abd Rahman. (2011). Biografi Muhammad Bin Abdullah : Perjalanan Hidup Seorang Nabi, ed. ke-2011. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.